



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN KLANG**

MODUL ITEM BERFOKUS (2) DAERAH KLANG
KBAT (KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI)

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014
BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

Ogos

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faktor-faktor plastik berbahaya kepada manusia dan usaha-usaha meminimumkan risikonya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Bekas plastik banyak digunakan untuk memenuhi keperluan harian kerana makanan dan minuman dibungkus dengan menggunakan plastik. Dalam bidang industri, plastik digunakan untuk menghasilkan telefon bimbit dan komputer. Dapatlah ditegaskan bahawa plastik terdapat di merata-rata tempat. Malangnya selepas digunakan, bahan itu dihumban hingga memenuhi tempat pelupusan sampah. Plastik yang dibuang itu mengambil masa puluhan tahun untuk lupus.

Walaupun plastik memudahkan kita dalam banyak perkara tetapi bahan ini juga mempunyai keburukannya. Umumnya, plastik menyebabkan masalah pencemaran alam. Selain itu, bahan pelbagai guna ini menyebabkan kesan toksik kepada manusia melalui bahan kimia yang dibebaskannya, iaitu bisfenol A (BPA). BPA ialah sejenis lakuer yang digunakan sebagai monomer untuk menghasilkan resin epoksi dan bekas plastik polikarbonat. Resin epoksi digunakan sebagai penyalut pada kebanyakan bekas makanan dan minuman di dalam tin untuk mengelakkan makanan daripada serangan bakteria. Namun, kita harus sedar bahawa kebanyakan daripada kita terdedah kepada BPA dalam tempoh yang lama akibat daripada penggunaan perkakas plastik. Kita terdedah pada BPA melalui mulut, pernafasan, dan penyerapan melalui kulit. Penggunaan plastik, sedikit demi sedikit menyebabkan BPA masuk ke dalam badan kita tanpa kita sedari. Selain itu, lama-kelamaan kita akan terdedah pada pencemaran toksik yang berpunca daripada BPA.

Daripada kajian makmal, BPA didapati dapat menyebabkan kanser, ketidaksuburan, dan masalah hiperaktif terhadap haiwan. BPA pada bahan plastik, turut mengganggu fungsi dan perkembangan otak serta beberapa sistem lain pada manusia, khususnya bayi. Kajian yang dijalankan oleh Toksilogi Kebangsaan di Amerika Syarikat mulai 2007 hingga Jun 2008 membuktikan bahawa BPA ini, mempunyai kesan sampingan yang daripada tahap minimum hingga tahap serius terhadap manusia. Para penyelidik tersebut juga mendapati bahawa bahan plastik dapat mendatangkan kesan negatif terhadap perkembangan otak bayi dan kanak-kanak yang sering terdedah pada BPA. Tambahan pula, sebahagian besar daripada mainan kanak-kanak dibuat daripada plastik menyebabkan kita sukar menjauhkan kanak-kanak daripada BPA.

Meskipun saintis sering memperkatakan bahaya yang disebabkan oleh peralatan yang dibuat daripada plastik, namun syarikat atau pengeluar produk yang menggunakan bahan ini pula sering kali menafikannya. Mereka kerap menyangkal kebenaran hasil kajian yang dikemukakan oleh ahli sains untuk kepentingan mereka.

(Dipetik dan diubah suai daripada
"Plastik Maut"
oleh Sazaroni Md. Rashid, *Dewan Kosmik*, April 2009)

kefahaman

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyangkal kebenaran*.

[2 markah]

pengetahuan

- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa cara seseorang itu boleh terdedah kepada BPA.

Nyatakan cara-cara tersebut.

[3 markah]

kefahaman

- (iii) Penggunaan plastik sukar dibendung sekalipun bahan itu berbahaya kepada manusia.

Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini berlaku?

[4 markah]

penilaian

Soalan 2 (b) - Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Keteguhan prinsip biar berpada, Hawa. Tempat ini akan runtuh dan hancur. Mengapa kita harus menunggu, menerima risiko terperuk jauh ke perut bumi?" Adam memberi pandangan mohon dimengerti.

"Abang takut mati" dia menghadiahi pandangan menguji. "Setiap kita akan mati."

"Ya, tapi bukan menunggu begini."

"Lahir saya di sini, mati saya biarlah juga di sini."

"Belum tentu, sayang. Bayangkan taman nasional ini meletup, lahar panasnya terpelanting jauh ke atmosfera, kemudian jatuh entah ke mana. Kita juga akan terpelanting, lebur, dan berkecai entah di mana."

Dia terkebil-kebil memandang Adam, suami yang sabar memujuk lembut dengan kesabaran berapa lapis menghadapi kedegilan seorang isteri.

"Kita tidak mungkin berkubur di Yellowstone. Barangkali terpelanting ke Boston, entah-entah ke Miami, mungkin juga ke lain. Kaki terpelanting ke timur, kepala tercampak ke barat."

Astaghfirullahalazim! Kecut perutnya membayangkan kata-kata Adam. Itulah risiko tertinggi untuk terus mempertahankan hak warisan Ahmad Abdullah di atas Taman Nasional Yellowstone, berkawahkan gunung berapi di dasarnya. Magmanya menunggu masa menceratkan lava dalam masa terdekat.

(Dipetik daripada
cerpen "Tanggar Amanat"
oleh Amaruszati Noor Rahim
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Adam memujuk Hawa agar berpindah dari Yellowstone?

[2 markah]

kefahaman

- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk Hawa meneruskan perniagaan warisan keluarganya sekiranya dia bersetuju mengikut nasihat Adam berpindah dari Yellowstone?

[3 markah]

analisis

- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Hawa yang terdapat dalam petikan cerpen dan **satu** perwatakan Hawa berdasarkan keseluruhan cerpen tersebut.

[4 markah]

analisis

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kemudian dititahkannya pula Bujang Selamat pergi bertanyakan nama juragan, nakhoda, jurubatu dan jurumudi di geliung panjang itu.

Jawab orang di geliung, "Nama juragannya Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, nakhodanya Tuanku Nakhoda Tua, jurubatunya anak Tiku Pariaman dan jurumudinya anak Pulau Laut."

Tiba-tiba Tuan Puteri Pinang Masak masuk tangan, "Wahai ayahanda, adakah patut berulang-alik bertanyakan hal orang di geliung itu? Bukankah baik kiranya dipersilakan anak-anak geliung itu naik ke istana?"

Baginda raja *termakan cakap puterinya* itu lalu ia menitahkan negeri dihiasi dan orang besar-besar pergi menjemput anak-anak geliung itu ke istana.

"Silalah encik-encik dan tuan-tuan naik ke darat. Kalau hendak menyabung, gelanggang ada; hendak bercatur berjogar, tapaknya ada dan jika hendak berkenduri hidangan ada disediakan lengkap dengan balainya," kata Datuk Orang Kaya Besar.

"Terima kasih. Silalah tuan-tuan berjalan dulu, kami mengikut dari belakang."

Setelah mendapat izin isterinya, Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, dengan berpakaian lengkap Awang Sulung Merah Muda pun pergilah bersama-sama jurubatu dan Bujang Selamatnya. Bujang Selamat disuruhnya mengepit Kinantan Sucinya, iaitu seekor ayam laga yang cekatan, sementara jurubatunya pula mendayung sampan tunda menuju ke pangkalan Negeri Pati Talak Terengganu.

Ketibaan Awang Sulung ke negeri itu amat menghairankan rakyat Negeri Pati Talak Terengganu itu kerana segala alat kebesaran berbunyi sendiri dan seluruh isi alam menyambut sama.

(Dipetik daripada
"Pelayaran yang Penuh Peristiwa"
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *termakan cakap puterinya* dalam petikan di atas.

[2 markah]

pengetahuan

- (ii) Nyatakan tanda-tanda yang menunjukkan Awang Sulung merupakan golongan yang mempunyai taraf sosial yang tinggi.

[3 markah]

kefahaman

- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah baginda raja menitahkan agar negeri dihiasi dan orang besar-besar menjemput anak geliung naik ke istana?

[3 markah]

aplikasi

Soalan 2 (d) - Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam Tonggak Dua Belas

- | | |
|------------|--|
| Rangkap 1 | Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok,lusa. |
| Rangkap 2 | Ketekunan akan membawa kejayaan,
Kegigihan bekerja dengan keupayaan. |
| Rangkap 3 | Wajah ceria keseronokan bekerja,
Usah berduka bermuram durja. |
| Rangkap 4 | Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan. |
| Rangkap 5 | Kegigihan peribadi jadi amalan,
Ketelusan hati jadi bekalan. |
| Rangkap 6 | Kekuatan sifat baik hati,
Bertimbang rasa dan bersimpati. |
| Rangkap 7 | Pengaruh kepimpinan melalui teladan,
Baik buruk jadikan sempadan. |
| Rangkap 8 | Menjadi kewajipan menjalan tugas,
Walaupun sederhana tetapi tegas. |
| Rangkap 9 | Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,
Tidak membazir teliti saksama. |
| Rangkap 10 | Keutamaan kesabaran fikiran tenang,
Perkara susah menjadi senang. |
| Rangkap 11 | Peningkatan bakat diberikan sokongan,
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan. |
| Rangkap 12 | Nikmat mencipta budaya kreatif,
Kembangkan bakat semoga aktif. |

(Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Berikan maksud rangkap terakhir gurindam tersebut.

[2 markah]

kefahaman

(ii) Pada pendapat anda, apakah sifat-sifat yang ada pada seorang pemimpin?

[3 markah]

penilaian

(iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam rangkap satu dan **satu** pengajaran yang terdapat dalam rangkap kesembilan gurindam tersebut.

[4 markah]

analisis

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap frasa di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksudnya dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) masalah sosial
- (ii) bencana alam
- (iii) peluang pekerjaan
- (iv) kempen kebersihan
- (v) hak asasi
- (vi) kebudayaan nasional

[6 markah]

<i>aplikasi</i>

(b) **Kenal pasti jenis-jenis ayat perintah yang berikut. Nyatakan sama ada ayat tersebut ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan atau ayat permintaan.**

- (i) Tolong serahkan borang permohonan itu pada atau sebelum hari Jumaat.
- (ii) Jemput makan kuih yang terhidang itu sebagai alas perut sebelum makan tengah hari.
- (iii) Awak siapkanlah tugas itu sekarang kerana penyelia akan tiba sebentar lagi.
- (iv) Minta tuan-tuan bergerak ke belakang sedikit untuk memberi laluan kepada tetamu khas.
- (v) Usah difikirkan masalah itu lagi kerana akan menjejaskan kesihatan kamu.
- (vi) Bangkitlah segera dan buang sikap culas sekiranya anda ingin berjaya.

[6 markah]

<i>analisis</i>

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kerja sukarela mempunyai implikasi penting terhadap pembentukkan bangsa yang kuat, berdaya maju, dan dihormati oleh masyarakat antara bangsa.
- (ii) Kesihatan mental yang baik akan terhasil dalam kehidupan anak-anak apabila ibu bapa sentiasa perihatin menghadap segala keperluan mereka.
- (iii) Penularan masalah sosial remaja tidak boleh dipandang remeh, sebaliknya harus dibentasi sebelum keadaan menambah buruk.

[6 markah]

analisis

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pemandu yang biadab kerap memandu kenderaan secara tidak berhemat, tidak mematuhi had laju, sambil memotong kenderaan lain secara berbahaya.
- (ii) Kadar gaji setiap pekerja sewajarnya dapat menampung perbelanjaan diri sendiri selain daripada dapat membelanjakan keluarga.
- (iii) Golongan yang cuba menafikan kepentingan bahasa kebangsaan masih belum dapat menyambut kenyataan yang negara sudah lama bebas daripada belunggu penjajahan.

[6 markah]

analisis

(e) Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- (i) darah daging
- (ii) seperti pinang dibelah dua
- (iii) sudah jatuh ditimpa tangga

[6 markah]

sintesis

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(a) Huraikan **tema** novel yang telah anda pelajari.

[7 markah]

aplikasi

(b) Dalam setiap novel terdapat pelbagai latar masyarakat yang boleh kita contohi.

Buktikan pernyataan tersebut dengan mengemukakan **tiga contoh** yang sesuai berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari.

[8 markah]

penilaian

KERTAS SOALAN TAMAT